

KETERANGAN PAKEJ

Keterangan pakej RM5050

A. Syarat-syarat promosi RM5050

Deposit & Refund:

Pakej promosi RM5050 dilancarkan khusus bagi para pelanggan yang berminat untuk membuat pendaftaran awal dengan deposit RM1000 seorang. Deposit ini akan dikembalikan oleh syarikat sekiranya pelanggan menukar fikiran dan membatalkan pakej tersebut lebih 100 hari dari tarikh penerbangan dengan menghantar notis bertulis kepada alamat emel batalumrahtiram@gmail.com

Notis tersebut perlu menyatakan salinan atau sekurang-kurangnya nombor invoice sebagai bukti bayaran serta nombor akaun pelanggan untuk tujuan pembayaran balik refund.

Pembatalan selepas 100 hari dari tarikh penerbangan adalah tertakluk kepada Akta Industri Pelancongan 1992 (*rujuk internet*)

Proses refund akan mengambil masa 2-3 minggu.

B. Penginapan.

Hotel di Mekah:

Hotel yang ditawarkan adalah Safwa Tower sama ada Al Safwa Hotel, Safwa Royal Orchid atau Royal Dar Eiman dengan susunan 5 katil sebilik.

Hotel Madinah:

Penginapan di Madinah adalah Hotel Concorde Taibah / Odst / Al Ansar Jadid ±150m di belakang Masjid Nabawi. Hotel ini 3 bintang dan bilik yang disediakan adalah bilik berlima.

C. Makan

Makan di Mekah:

Makanan disediakan 3 kali sehari (sarapan, makan tengahari, makan malam)

Makanan disediakan oleh pihak hotel kategori buffet ekonomi di dewan makan hotel dengan citarasa Asia.

Jadual makan.

Sarapan : **6.30 pagi - 10.00 pagi**

Makan tengahari : **12.30 tengahari - 3.00 petang**

Makan Malam : **6.30 petang - 10.00 malam**

Makan di Madinah:

Makanan disediakan 3 kali sehari (sarapan, makan tengahari, makan malam)

Disediakan oleh caterer luar di dewan makan hotel. Citarasa lebih kepada Melayu Pattani.

Jadual makan.

Sarapan : **6.30 pagi - 9.00 pagi**

Makan tengahari : **12.30 tengahari - 2.00 petang**

Makan Malam : **7.00 petang - 10.00 malam**

D. Penerbangan

Pesawat:

Penerbangan adalah menggunakan flight Air Asia X berlepas di KLIA 2 yang biasanya menggunakan jenis pesawat Air Bus 330 dengan jumlah tempat duduk sebanyak 365. Walaupun penerbangan sebagai kategori budget airlines, tetapi pihak penerbangan menyediakan makan dan minum percuma kepada penumpang dua kali semasa pergi dan dua kali semasa pulang.

Upgrade seat 'Business Class':

Pelanggan boleh memohon untuk upgrade kepada seat 'Business Class' dengan bayaran tambahan RM1800 pergi balik.

Check in Luggage yang dibenarkan untuk pesawat ini adalah 20kg pergi, 30kg balik, tidak termasuk 5kg Air zamzam.

Beg tangan yang dibawa oleh penumpang masuk ke pesawat adalah 7kg.

E. Ziarah:

Pakej ini menyediakan ziarah dalaman dan ziarah luaran.

Ziarah Madinah : Ziarah Dalaman sekali, Ziarah Luaran sekali

Ziarah Mekah : Ziarah Dalaman sekali, Ziarah Luaran dua kali

Pakej ini menyediakan pengangkutan percuma bagi:

1. Umrah semasa bertolak dari Madinah
2. Umrah Hudaibiyah
3. Umrah Jaraanah

F. Mutawwif

Pakej ini dan pakej-pakej lain, syarikat menyediakan mutawwif terlatih dan berpengalaman dari Malaysia bagi membantu jemaah menyempurnakan ibadah Umrah dan lain-lain bantuan. Syarikat juga menyediakan mutawwifah bagi membantu jemaah wanita di Madinah untuk ke Raudhah.

Pakej yang menyediakan 2 mutawwif seorang lelaki seorang wanita dinamakan sebagai Pakej 2 Mutawwif. Pakej ini akan disertai oleh mutawwif sepanjang tempoh pakej.

G. Harga All-in

Terma harga all-in adalah bermaksud, semua bayaran telah diambilkira dari segi hotel, makan, pesawat, dan lain-lain kos pakej.